

Perpaduan Kaum dalam Antologi Cerpen 1Malaysia

ASMIATY AMAT¹
LOKMAN ABDUL SAMAD²

¹Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, ²Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu

¹adajiwa@gmail.com, ²lokns@yahoo.com

Abstrak Isu tentang perpaduan kaum dalam karya telah lama diungkapkan oleh penulis-penulis di Malaysia. Isu ini semakin menyerlah apabila Perdana Menteri Malaysia, Najib Tun Razak mengemukakan gagasan 1Malaysia pada tahun 2009. Melalui prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang terkandung dalam gagasan tersebut, rakyat Malaysia cuba memahami bentuk gagasan tersebut dalam pelbagai perspektif. Antologi 1Malaysia memuatkan cerpen pelajar Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah. Melalui kajian yang menggunakan pendekatan struktural, pemahaman pelajar berkenaan isu perpaduan kaum atau gagasan 1Malaysia telah dikenal pasti. Kajian mendapati bahawa isu perpaduan kaum yang dibawa oleh pelajar masih sama dengan isu perpaduan kaum yang telah dinyatakan oleh penulis-penulis mapan sebelum ini. Bagi mereka, isu perpaduan kaum boleh dibentuk melalui hubungan persahabatan yang tulus dan ikhlas. Kebanyakan karya tidak memperlihatkan satu bentuk pemikiran yang lebih besar untuk dicanai atau dibincangkan seperti berkenaan dasar ekonomi atau bahasa kebangsaan. Tidak ada cerpen yang memperlihatkan satu gagasan perpaduan yang lebih kompleks. Sebaliknya, penyelesaian terhadap masalah perpaduan dinyatakan dengan memperlihatkan persefahaman di antara kesemua kaum yang terlibat. Melalui penelitian terhadap bentuk dan gaya penulisan penulis-penulis tersebut, kajian turut mendapati bahawa hampir keseluruhan pengarang menulis dengan gaya yang sangat biasa, masih konvensional dan tidak ada kecenderungan baharu dalam bentuk penceritaan.

Kata Kunci: Cerpen, penulis muda, gagasan 1Malaysia, perpaduan kaum, gaya penceritaan

Abstract The issue of unity in literary works has long been expressed by Malaysian writers. This issue is accentuated when Malaysia's Prime Minister, Najib Tun Razak's 1Malaysia concept was mooted in 2009. Through

the principles and values of the concept, Malaysians try to understand the concept from various perspectives. The 1Malaysia anthology consists of short stories written by students from the School of Arts, Universiti Malaysia Sabah. Through the study using a structural approach, students' understanding pertaining to issues on racial harmony and the 1Malaysia concept is identified. The study found that the issue of unity brought about by the students is similar to the issue of racial solidarity that has been expressed by former established writers. According to them, national unity can be established through an honest and sincere relationship. Most of the literary works do not reflect greater forms of thinking for discussion such as matters pertaining to economic policy or national language; there are no stories that present more complex idea of unity. A solution to the problem of disunity is stated by demonstrating an understanding of unity among all the races involved. By examining the authors' writing forms and styles, it was found that most of the authors wrote in a style that is very common, conventional and does not have new forms of narration.

Keywords: *Short stories, young writers, 1Malaysia concept, solidarity, storytelling style*

PENGENALAN

Antologi Cerpen 1Malaysia adalah himpunan cerpen yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Program Seni Kreatif, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah. Seramai 13 orang penulis masing-masing menghasilkan 18 buah cerpen berkisar semangat dan gagasan 1Malaysia. Pelajar-pelajar tersebut terdiri daripada pelbagai suku etnik Sabah dan Sarawak seperti Iban, Dusun, Bajau dan etnik Jawa serta beberapa orang pelajar Melayu yang berasal dari Semenanjung Malaysia. Tidak ada seorang penulis berketurunan Cina atau India yang telah menyumbangkan karya mereka. Makalah ini cuba meneliti pemahaman konsep 1Malaysia melalui naratif yang disodorkan pelajar-pelajar berkenaan dengan menggunakan pendekatan struktural. Kajian ini akan menerangkan tentang gagasan 1Malaysia, sastera perpaduan dan bagaimana penulis dalam antologi menterjemahkan pemikiran mereka berkenaan gagasan 1Malaysia yang dikemukakan oleh Perdana Menteri. Penelitian menggunakan kaedah struktural turut menjelaskan bentuk penulisan pelajar-pelajar tersebut dari segi bahasa, teknik penyampaian

dan juga penonjolan watak-watak dalam karya. Kajian ini akan meninjau konsep dan gagasan 1Malaysia yang dikemukakan oleh Perdana Menteri dan kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh sarjana berkenaan perpaduan kaum dalam karya. Seterusnya, kajian akan mengenal pasti pemahaman berkenaan gagasan tersebut melalui pemikiran dan bentuk karya yang ditampilkan oleh penulis-penulis berkenaan.

KONSEP DAN GAGASAN 1MALAYSIA

Konsep 1Malaysia bukanlah satu wawasan atau gagasan pemikiran baharu. Sebaliknya, konsep 1Malaysia yang berpaksikan prinsip “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” lebih merupakan satu konsep dalam bidang pentadbiran yang menyarankan pemimpin-pemimpin kerajaan menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat, tanpa mengira kaum dan agama di Malaysia. Konsep 1Malaysia menuntut setiap warganegara dan pemimpin memainkan peranan masing-masing. Semua lapisan masyarakat dituntut berdiri, berfikir dan bertindak sebagai bangsa Malaysia, tanpa garis sempadan kaum dan mementingkan kepentingan etnik dan kaum semata-mata (Najib Razak, 2011: 2).

1Malaysia bukan aspirasi asing, sebaliknya menjadi pewaris kepada perjuangan yang selama ini berjaya mengikat keharmonian kehidupan masyarakat berbilang bangsa dan agama dalam negara ini. Bezanya, 1Malaysia ditambah baik dengan menyasarkan perpaduan lebih sempurna sebagai matlamat perdana. Perkara asas dalam konsep ini ialah prinsip keadilan untuk semua kaum, yang membawa maksud bahawa nasib semua kaum akan terbela dan tidak ada mana-mana pihak akan dipinggirkan (Najib Razak, 2011: 5). Seiring dengan itu, 1Malaysia adalah penerusan agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan terlebih dahulu, dan matlamat ini dimulakan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar dan mampu menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih aman, stabil dan maju dalam segenap bidang serta disegani oleh seluruh dunia. Konsep ini juga dianggap mampu menjadi senjata utama dalam menghadapi pelbagai ancaman dan cabaran yang menggugat kesejahteraan hidup mereka.

MATLAMAT 1MALAYSIA

1Malaysia bermatlamat untuk mengekal dan meningkatkan perpaduan dalam kepelbagaian yang selama ini menjadi kekuatan Malaysia serta rakyatnya. Kelebihan ini akan dipelihara sebagai bekalan terbaik kita untuk menghadapi sebarang cabaran. Perpaduan sememangnya telah membentuk teras utama dalam hala tuju negara menuju kecemerlangan bermula sejak kemerdekaan. 1Malaysia diperkenalkan bertujuan menyemarakkan semula semangat perpaduan dan persaudaraan dalam kalangan rakyat Malaysia. Gagasan ini membawa aspirasi untuk meningkatkan hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat dan mampu menyelami serta menjadikan amalan hormat-menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum, sebagai amalan hidup bersama. Perpaduan yang utuh antara kaum yang ada dalam negara, diharapkan mampu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan urusan pembangunan negara.

Sehubungan itu juga, 1Malaysia memerlukan kepimpinan dan rakyat yang berintegriti tinggi seperti memiliki sifat jujur, berkebolehan, bercakap benar, telus, ikhlas dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Pemimpin cemerlang dan komited sewajarnya memiliki kebolehan yang tinggi dalam merancang, mengatur strategi, menilai prestasi dan menepati masa dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, mesra rakyat dan sanggup berkorban masa, tenaga dan kewangan serta menyetepikan kepentingan peribadi demi negara.

Kesungguhan dan komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab menjadi asas dalam mencapai sesuatu kejayaan. Negara juga memerlukan rakyat yang berdedikasi dan komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh iltizam, azam dan tekad demi kepentingan dan kemajuan negara. Semua kaum perlu mengutamakan kesetiaan dan kepentingan kepada negara mengatasi kesetiaan kepada kaum dan kelompok sendiri. Malaysia merupakan sebuah negara untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama, budaya dan fahaman politik. Semua kaum perlu menganggap bahawa mereka adalah bangsa Malaysia, yakni segalanya perlu dinikmati secara bersama. Setiap ahli dalam masyarakat atau kaum tidak akan dipinggirkan daripada menikmati pembangunan dan mendapat pembelaan kerajaan yang sewajarnya.

1Malaysia adalah pemangkin kepada pewujudan negara bangsa yang dapat melahirkan rakyat yang mempunyai sikap kesamaan dan kekitaan antara satu sama lain. Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Sehubungan itu, pemimpin dan rakyat perlu saling memahami dan menghayati lapan nilai 1Malaysia, iaitu budaya kecemerlangan; ketabahan; rendah hati; penerimaan; kesetiaan; meritokrasi; pendidikan; dan integriti (Najib Razak, 2011).

Prinsip Teras dan Nilai-nilai 1Malaysia

Melalui konsep 1Malaysia, terdapat tiga prinsip teras yang diwujudkan, iaitu penerimaan kenegaraan dan keadilan sosial dalam memperkukuhkan perpaduan nasional. Selain itu, lapan nilai budaya digariskan sebagai fungsi sokongan, iaitu kecemerlangan, ketabahan, penerimaan, rendah hati, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti yang kesemuanya menjurus kepada matlamat satu negara.

Prinsip Penerimaan

Prinsip penerimaan bererti walaupun rakyat Malaysia mempunyai cara hidup, amalan dan kebudayaan yang berbeza, tetapi kita menerima antara satu sama lain sebagai rakan setia.

Prinsip Kenegaraan

Konsep perpaduan, semangat nasionalisme dan cintakan negara telah diterapkan semenjak dahulu lagi oleh pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lok dan Tun V.T. Sambanthan yang berjuang bagi mendapat kemerdekaan dan kebebasan daripada penjajah British untuk Tanah Melayu, hinggalah kepada sumbangan Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang membawakan konsep Cemerlang, Gemilang dan Terbilang sebagai gagasan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Oleh hal yang demikian, setiap rakyat dituntut untuk menanamkan kecintaan kepada negara tanpa berbelah bahagi.

Prinsip Keadilan Sosial

Setiap kaum di negara ini tanpa mengira latar belakang atau agama diberi keadilan yang sebaik mungkin dari segi kebajikan dan aspek-aspek sosial yang penting. Melalui konsep 1Malaysia, setiap wakil rakyat bertindak melepasi sempadan kaum masing-masing dan melebarkan khidmat mereka kepada kaum-kaum lain. Namun begitu, konsep 1Malaysia yang mempunyai prinsip keadilan sosial bukanlah platform bagi mana-mana pihak untuk membuat tuntutan yang keterlaluan dan bukan-bukan (Risalah 1Malaysia, 2009).

PERPADUAN DALAM KARYA

Perpaduan kaum dalam karya telah dilakukan lama sebelum kewujudan konsep 1Malaysia. Sungguhpun demikian, perpaduan kaum dalam karya lebih menyerlah selepas berlaku tragedi 13 Mei dan negara telah memperkukuhkan lagi Akta Hasutan. Para pengkaji dan sarjana sastera mengakui pentingnya subjek Kesusasteraan Melayu untuk menjalin hubungan harmoni, toleransi dan muhibah antara kaum. Buku-buku yang menghimpunkan kajian berkenaan hubungan kaum dalam karya dapat dilihat melalui Ismail (1974), Hashim (1980), A. Rahim Abdullah (1991), A.M. Thani (1990), Abu Bakar (1992), Shamsuddin Jaafar (1997), Asmiaty (2000 dan 2002), Othman (2002) dan Chiew (2003, 2007 dan 2009).

Melalui kajian yang dilakukan Asmiaty Amat (2000) berkenaan hubungan kaum dalam novel Melayu pascamerdeka: 1957-1967 menunjukkan bahawa isu hubungan kaum di Tanah Melayu menjadi isu penting dalam karya beberapa orang penulis Melayu. Isu berkenaan sikap prejudis antara kaum ditonjolkan dengan jelas oleh pengarang dalam karya mereka. Penulis yang memiliki sensitiviti tinggi memaklumkan bahawa isu tersebut bakal membawa negara kepada rusuhan kaum. Perkara tersebut menjadi nyata apabila isu-isu berkenaan kerakyatan/kewarganegaraan, bahasa dan ketuanan Melayu menjadi isu yang tidak pernah selesai hingga ke hari ini.¹ Pengarang Melayu bukan semata-mata menggambarkan isu tentang hubungan kaum yang serius pada ketika itu tetapi mereka turut menawarkan pelbagai cara dan kaedah ke arah penyatuan kaum dan persefahaman.

Pada masa ini, terdapat banyak tulisan yang mengaitkan isu tentang bentuk hubungan dan perpaduan kaum dalam karya-karya penulis Malaysia. Kajian Chew (2003) yang dilakukan secara statistik inferensi telah menunjukkan sastera Melayu memberi sumbangan atau impak perpaduan kepada khalayak sastera sebanyak 4 peratus. Kajian ini menggambarkan bahawa sastera Melayu mampu dijadikan salah satu mekanisme untuk memupuk semangat muhibah, harmoni dan kemesraan antara kaum. Daripada kajian itu, lahirlah konsep 'sastera perpaduan' yang membawa definisi berikut:

Satu mekanisme untuk mewujudkan perpaduan antara kelompok masyarakat berbagai latar belakang berdasarkan prinsip-prinsip yang dikongsi bersama dari segi sosial dan budaya sehingga terbentuknya perasaan toleransi dan perkongsian hidup bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum, seterusnya melahirkan satu sentimen kebangsaan di negara ini (Chew, 2007).

TEMA DAN PERSOALAN CERPEN

Tema dan persoalan karya melibatkan inti pati pemikiran yang cuba disampaikan pengarang dalam karya mereka. Tema dan persoalan biasanya dapat diperhatikan dengan mudah atau melalui pemikiran dan tafsiran yang tinggi, bergantung kepada cara pengarang mengolah cerita. Secara keseluruhannya, sejajar dengan konsep penulisan yang bertemakan 1Malaysia, antologi cerpen yang dikaji menjurus kepada kisah perjuangan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum untuk hidup harmoni dalam keadaan yang bersatu padu. Walau bagaimanapun, secara prinsipnya, konsep 1Malaysia yang digagaskan oleh Perdana Menteri dimengertikan mengikut tahap pemahaman penulis-penulis berkenaan secara berbeza-beza. Melalui pemikiran watak-watak yang ditampilkan, persoalan dalam cerpen dapat diperlihatkan.

Persoalan Perpaduan antara Kaum

Senario kehidupan masyarakat majmuk berbilang bangsa, agama dan budaya di negara ini serta beberapa negara lain telah memperlihatkan betapa usaha mencipta perpaduan bukanlah perkara mudah. Cabarannya besar dan dugaannya juga adakala sukar dijangka (Najib Razak, 2011: 6). Oleh itu, gagasan 1Malaysia bukan sahaja cuba mengekalkan perpaduan yang telah

lama wujud tetapi berfungsi untuk menambah baik keharmonian tersebut. Status negara maju tidak mungkin dapat dicapai apabila semangat perpaduan antara kaum dapat dijalineratkan.

Sehubungan dengan matlamat perdana 1Malaysia untuk mencapai perpaduan, perubahan lebih sempurna dapat diukur melalui penilaian terhadap diri sendiri. Contohnya, adakah cara berinteraksi antara sesama kaum yang ada di negara ini menjadi kayu ukur kepada perpaduan atau adakah sikap terbuka menerima setiap perbezaan atau adakah sikap kita telah sampai ke tahap tidak ada lagi perbezaan yang boleh mencetuskan sengketa kaum?

Oleh hal yang demikian, berdasarkan tujahan utama yang merujuk kepada perpaduan kaum, hampir kesemua penulis memahami dan menjadikan hubungan erat antara kaum wajar dijalin dan ditonjolkan. Berdasarkan perkara itu juga, hubungan erat berbentuk hubungan persahabatan, percintaan atau kekeluargaan cuba direalisasikan. Perkara yang menjadi tumpuan utama pengarang ialah berkenaan hubungan persahabatan yang terjalin dan menjadi tema dan persoalan pokok dalam kebanyakan karya. Perkara ini tidak menghairankan kerana hubungan persahabatan atau percintaan antara kaum seperti ini sebenarnya merupakan persoalan yang sering dinyatakan oleh penulis-penulis sejurus tragedi 13 Mei dahulu. Contohnya, novel-novel yang dihasilkan sejurus selepas tragedi 13 Mei seperti novel *Musafir*, *Interlok*, *Lingkar* dan *Biru Warna* (Asmiaty Amat, 2002). Penulis dengan positif beranggapan bahawa dengan cara itu, hubungan antara kaum yang berlainan akan terjalin dengan lebih baik. Hubungan persahabatan yang berlandaskan keikhlasan dan sikap saling tolong-menolong seolah-olah menjadi satu agenda utama untuk menjadikan sesebuah hubungan terjalin dengan baik. Hal ini turut dinyatakan dan dibuktikan dalam kajian yang dilakukan oleh Asmiaty Amat terhadap novel-novel Melayu sebelum tragedi 13 Mei (2002) dan kajian yang dilakukan oleh A.M. Thani (1990).

Hubungan persahabatan atau apa sahaja yang ditunjukkan oleh penulis menuntut wujudnya kerjasama tanpa berbelah bahagi demi mewujudkan budaya kecemerlangan sebagaimana nilai yang dituntut dalam gagasan 1Malaysia tersebut. Selain itu, nilai penerimaan dan rendah hati juga jelas menjadi inti pati yang difahami oleh penulis-penulis tersebut sebagai satu prasyarat mewujudkan perpaduan nasional. Perkara ini diselarikan dengan

gagasan 1Malaysia yang membawa aspirasi untuk meningkatkan perpaduan yang lebih erat dan mampu menyelami serta menjadikan amalan hormat-menghormati, keikhlasan dan sikap saling mempercayai antara kaum sebagai amalan hidup bersama.

Kajian memperlihatkan hampir keseluruhan cerpen menceritakan tentang persahabatan yang terjalin antara kaum Melayu, Cina dan India. Terdapat beberapa cerpen yang mengutarakan persahabatan dan hubungan erat yang terjalin antara suku-suku etnik di Sabah dan Sarawak seperti cerpen *Pemberian Berharga*, *Kampus Cinta*, *Perjalanan* dan *Mencipta Mimpi Satu Malaysia*. Perkara ini berhubung kait dengan persekitaran penulis-penulis yang hidup dalam kepelbagaian etnik Sabah dan Sarawak.

Cerpen *Kuih Bahulu Dari Seberang* memaparkan kisah persahabatan antara Aku atau watak Dik yang berbangsa Melayu, dengan Ah Mei yang berketurunan Tiong Hua dan Suraj yang berbangsa India. Persahabatan antara ketiga watak yang berlainan keturunan ini agak klise dengan gambaran watak yang sering dinukilkan oleh pengarang-pengarang sebelum ini. Bagi menambah rencah kemanisan persahabatan tersebut, pengarang cerpen *Kuih Bahulu Dari Seberang* menyelitkan prinsip keikhlasan. Bagi pengarang, persahabatan yang dijalinan juga perlu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan, tanpa mengharapkan balasan ekonomi yang dilambangkan sebagai ganjaran yang diperoleh daripada persahabatan tersebut.

“Betul kata Suraj tu, Dik. 1Malaysia takkan bermakna tanpa keikhlasan dalam pengisian rakyat, bangsa dan negaranya,” kata Ah Mei menyokong hujah Suraj.

Prinsip penerimaan budaya yang ditekankan dalam gagasan 1Malaysia jelas difahami oleh penulis cerpen tersebut apabila beliau menggunakan simbol kuih bahulu sebagai satu entiti baharu yang boleh menyatukan kaum yang ada di Malaysia. Kuih bahulu yang pada asalnya bukan milik orang India telah diubah suai oleh emak Suraj dan dipelbagaikan rupa dan rasanya. Kuih bahulu emak Suraj yang berwarna-warni dikatakan melambangkan agama, budaya dan cara hidup masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Walaupun rasa dan rupa kuih bahulu tersebut pelbagai, ia tidak menghalang kaum-kaum tersebut menikmati kelazatan kuih tersebut. Ia juga ditekankan oleh penulis melalui ungkapan berikut;

“Adik kena ingat, sekarang ini kita hidup dalam sebuah negara majmuk. Jadi kita perlu memerdekakan minda kita agar dapat menerima dan menghormati budaya kaum lain. Berkawan bukan pada kaum sendiri sahaja.” Terang abah bersungguh-sungguh. (*Kuih Bahulu Dari Seberang*, hlm. 12).

Demikian juga dengan cerpen *Hanis* yang mengisahkan seorang gadis bernama Hanis yang telah kematian ibu dan sering didera oleh ibu tirinya. Nasib Hanis agak baik kerana memiliki seorang rakan yang memahami dan sentiasa memberi sokongan terhadap dirinya. Mei Ling seorang pelajar Cina yang telah menjadi sahabat Hanis, sering membantunya dari segi pelajaran dan sokongan moral. Pada masa yang sama, Hanis mempunyai seorang guru berbangsa India yang sangat prihatin terhadap nasib dan masa depannya. Madam Gayatri pula merupakan rakan baik ibu Hanis. Madam Gayatri sangat bimbang dengan sikap Hanis yang mula malas belajar dan tidak mempedulikan pelajaran. Budaya kecemerlangan tanpa mengira garis kaum diterapkan dalam diri Madam Gayatri yang tidak mahu Hanis gagal dalam hidup. Kedua-dua watak bukan Melayu, iaitu Madam Gayatri dan Mei Ling berusaha menasihati dan membantu sedaya nasib rakan mereka daripada bangsa lain untuk menjadi orang yang berjaya. Melalui watak-watak yang terdiri daripada tiga bangsa utama dalam negara ini memperlihatkan bahawa konsep ‘berlainan bangsa’ yang sering kali menimbulkan pertelingkahan mampu diatasi apabila masing-masing bangsa saling tolong-menolong tanpa mengira kepentingan bangsa masing-masing.

Budaya kecemerlangan turut menjadi nilai utama dalam menonjolkan sifat kebersamaan antara kaum. Penulis menonjolkan nilai ini dengan penonjolan persoalan tentang kerjasama yang wujud dalam kalangan kaum-kaum yang ada, atau keprihatinan yang ditunjukkan oleh rakan yang berlainan kaum dan tidak membiarkan rakan atau anak rakan daripada bangsa lain gagal. Perkara ini turut dijadikan tema dalam cerpen *Buih* karya Azarina Abdul Jari. Persahabatan yang terjalin antara ayah Taufiq dengan Uncle Liaw (Cina) dan Ahmad Mubashee (India) menjadi pembakar semangat kepada Taufik untuk berjaya dalam hidup. Almarhum ayahnya sering menasihatkan Taufik untuk menuntut ilmu walaupun dalam keadaan mereka yang serba kekurangan. Setelah kematian ayahnya, Taufik dan adik-beradiknya dibantu pula oleh Uncle Liaw sehingga mereka menamatkan pelajaran. Ahmad Mubashee pula membantu Taufik dalam perniagaan dan akhirnya menjalinkan hubungan keluarga dengan Taufik dengan menikahkan Taufik dengan anak perempuannya. Nilai kecemerlangan dalam hidup yang

ditekankan dalam gagasan 1Malaysia yang difahami oleh penulis-penulis cerpen tersebut ialah pengorbanan tanpa berbelah bahagi oleh mana-mana kaum untuk membantu rakan mereka dari kaum yang lain untuk berjaya dalam hidup. Nilai ini perlu ditekankan dalam semangat kerjasama antara kaum-kaum yang ada di negara ini.

Penulis menolak sikap sombong dan angkuh yang terdapat dalam diri masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat yang berjiran. Melalui cerpen berjudul *Keangkuhan*, watak ayah Ah Tiew, seorang ahli perniagaan yang kaya-raya digambarkan tidak mahu bergaul dengan jiran-jirannya yang terdiri daripada kaum lain. Encik Lai menganggap jiran mereka sebagai orang yang tidak setaraf dengan mereka.

“I tidak mahu you bergaul dengan mereka sebab mereka itu tidak setaraf dengan kita dan mereka tidak layak untuk berkawan dengan keluarga kita ni,” jawab suaminya dengan tegas.

“Kenapa pula kita harus berkawan hanya berdasarkan pangkat dan kedudukan sahaja.” Tidak bagus you buat macam ini lagipun kita hidup berjiran jadi kenalah kita saling tolong-menolong antara satu sama lain. I tidak suka dengan cara you ni. Kan kita hidup di negara yang berbilang bangsa dan penuh perpaduan.” Kata isterinya lagi. (*Keangkuhan*, hlm. 99).

Demikian juga dengan penulis cerpen *Akhirnya* yang mengemukakan cerita tentang dua orang pelajar bernama Aini dan Jessie. Jessie Chia adalah seorang pelajar Cina yang sombong dan sentiasa dengki kepada Aini. Sikap rendah diri Aini dan tidak berdendam atau tidak berprasangka terhadap Jessie, menginsafkan Jessie. Semasa Jessie kemalangan, Aini sering melawat Jessie di hospital. Persahabatan yang terjalin memberi manfaat kepada kedua-dua pihak kerana mereka saling membantu dalam mata pelajaran yang tidak difahami. Aini membantu Jessie dalam mata pelajaran bahasa Melayu, sementara Aini meminta pertolongan Jessie dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Sikap tolong-menolong, dukung-mendukung antara satu sama lain seperti ini dianggap sebagai satu perkara yang sangat penting untuk mewujudkan perpaduan kaum dan kecemerlangan dalam hidup masing-masing. Perkara tersebut ditunjukkan oleh pengarang melalui petikan berikut:

Orang India membantu orang Cina dan begitu juga mereka membantu orang Melayu dan orang Melayu turut membantu mereka. Tidak ketinggalan juga rumpun bangsa yang lain yang terdapat di antara penghuni tersebut yang saling bekerjasama di antara penghuni tersebut yang saling bekerjasama di antara satu sama lain. (*Akhirnya*, hlm. 64).

Cerpen *Antara Mereka* menggunakan watak ikan kaloi, ikan haruan dan ikan keli sebagai mewakili suku kaum terbesar di negara ini. Watak tiga ekor ikan tersebut digambarkan berkawan baik. Ikan haruan diimejkan sebagai berperwatakan panas baran dan malas. Sementara ikan kaloi digambarkan sebagai berperwatakan rajin tetapi agak penakut. Pada satu hari, haruan telah sesat dan ditawan oleh ikan kerapu. Ikan keli berusaha untuk menyelamatkan nyawa ikan haruan, tanpa memikirkan nyawanya sendiri. Kebijaksanaan keli bukan sahaja menyelamatkan haruan tetapi habitat mereka tidak lagi diganggu oleh kerapu. Persefahaman antara tiga bangsa ikan ini digambarkan berlaku setiap masa dan situasi, tanpa mengira semasa susah dan senang.

Sementara cerpen *Perjalanan* karya Sebih Desemin mempertaruhkan persahabatan antara Ardi dan Wilson. Sungguhpun cerpen ini tidak memperlihatkan sebarang pembaharuan dari segi teknik penulisan, pemikiran pengarang berkenaan isu perhubungan kaum yang melibatkan persahabatan antara Wilson dan Ardi sangat menarik. Perkara ini berkaitan dengan kesanggupan dan ketulusan hati Wilson mengajak Ardi bersama-sama dengannya bekerja di syarikat agen perumahan yang dimiliki oleh seorang tauke Cina yang kaya-raya. Watak orang Cina yang ditampilkan melalui Tony Chiew menarik hati Ardi kerana sikap dan perwatakannya dianggap adil dan tidak memilih bangsa untuk bekerja dalam syarikatnya. Sikap Tony Chiew tersebut menyebabkan Ardi betah dan senang bekerja dengannya.

Pengarang cerpen *Merungkal Rasa* pula mengemukakan persahabatan dan percintaan antara dua kaum yang pada mulanya terhalang. Ibu Melati tidak menyenangi hubungan baik anaknya Melati dengan seorang lelaki Cina bernama Jason. Persahabatan antara Melati dan Jason akhirnya menimbulkan bibit cinta. Persahabatan mereka terhalang kerana ibu Melati tidak menyenangi Jason yang berketurunan Cina. Sangsi sosial di antara kaum yang berlainan sering berlaku dan menjadi isu paling dominan dalam hubungan percintaan antara kaum di Malaysia. Sebagaimana novel-novel dan cerpen-cerpen sebelum ini, isu perbezaan agama, adat dan bahasa sering menjadi halangan kepada pasangan bercinta (Asmiaty, 2002). Perkara tersebut jelas dinyatakan dalam karya-karya yang bertemakan tentang hubungan kaum. Namun, cerpen *Merungkal Rasa* menunjukkan betapa ada kalanya seorang manusia membenci bangsa lain tanpa sebarang alasan.

Ibu Melati hanya berdiam, dia tidak dapat menjawab soalan suaminya. Dia sendiri mencari-cari sebab musabab Ida membenci Jason. Rukian berfikir panjang pada malam itu. Akhirnya dia akur. Ada benarnya kata-kata suaminya... (2010: 58)

Selain daripada hubungan persahabatan, terdapat juga beberapa cerpen yang mengutarakan tentang penerimaan kaum Melayu terhadap kaum lain sebagai kaum keluarga. Misalnya, memelihara anak daripada bangsa lain untuk menjadi anak angkat mereka. Contohnya cerpen *Amoi* karya Azarina Abdul Jari juga memaparkan seorang anak berbangsa Cina bernama Maya yang dipelihara oleh keluarga Malik. Maya diserahkan oleh ibunya Lee Swee Ting kerana suami Lee akur kepada tilikan nujum yang mengatakan Maya membawa sial. Pengawas bernama Rajiv sering mengusik Maya dengan panggilan Amoi kerana wajahnya yang tidak sama dengan adiknya. Maya dipelihara dengan penuh kasih sayang oleh keluarga Malik tanpa mempersoal asal keturunan Maya.

Demikian juga dengan Mei Ling dalam cerpen *Dialah Mei Ling Itu* karya Nurain Lambertus Guna Hala yang menceritakan tentang Mei Ling, seorang anak Cina yang dipelihara oleh keluarga Melayu. Ibu bapa angkat Mei Ling sangat menyayangi Mei Ling dan Mei Ling juga akhirnya berkahwin dengan seorang doktor berbangsa Melayu bernama Sarif. Kedua-dua karya ini memperlihatkan prinsip penerimaan bangsa lain dalam sesebuah keluarga yang berlainan keturunan. Perkara ini bukan menjadi penghalang untuk meraih sebuah kehidupan yang harmoni.

Kedua-dua cerpen Bigol Anak Sulang, iaitu *Pemberian yang Berharga* dan *Kampus Cinta* memberi perspektif yang lebih besar terhadap nilai persahabatan yang harus ada dalam diri seorang warga Malaysia. Selain daripada watak-watak yang memperlihatkan kepelbagaian etnik Sarawak dan Sabah, ia turut menuntut pengorbanan yang lebih besar dalam diri seorang individu. Cerpen *Pemberian yang Berharga* mengemukakan tentang pengorbanan seorang pemuda berketurunan Iban bernama Thomas Sigai yang mendermakan seluruh organ dalamannya. Semasa hidupnya, Thomas berkawan dengan semua orang tanpa mengira bangsa dan keturunan seperti Cina, Melanau, India, Bidayuh, Penan, Orang Ulu dan lain-lain suku kaum Sarawak. Kematian Thomas dapat meneruskan kehidupan ramai orang kerana Thomas telah mendermakan jantungnya kepada Kumarindran a/l Arumugam, matanya diberi kepada remaja berbangsa Melanau, buah

pinggang kepada seorang remaja Cina bernama Lo Ngook Choi dan hati beliau dihantar ke Sabak Bernam untuk Nazihah Abdul Halim.

Sikap Thomas yang baik budi tanpa mengira kaum itu diwarisi oleh adiknya, iaitu 'aku' yang hidup berinteraksi dengan pelbagai kaum dan agama semasa belajar di universiti. Aku dan Nathan (India) juga digambarkan sanggup menjaga rakan Janathan yang ditahan di hospital.

Secara keseluruhannya, cerpen-cerpen yang ditulis oleh penulis-penulis berkenaan memaparkan perpaduan kaum yang harus ada antara bangsa-bangsa yang berlainan dalam negara ini. Nilai budaya kecemerlangan, penerimaan, rendah diri dan pendidikan secara bersama difahami dan menjadi agenda utama penulis-penulis berkenaan untuk mewujudkan perpaduan. Sikap toleransi yang ditonjolkan dalam kedua-dua cerpen menunjukkan bahawa interaksi antara kaum-kaum tersebut bukan berteraskan toleransi semata-mata. Elemen-elemen yang turut diselitkan oleh pengarang ialah berkenaan sifat selesa, suka, mesra, ikhlas dan jujur dalam menjalin semangat muhibah. Ertinya, setiap kaum memperlihatkan sikap menjalin hubungan sihat dan bersih tanpa perasaan curiga dan prasangka.

Walau bagaimanapun, pemahaman terhadap perpaduan dalam kalangan penulis muda tersebut masih berada di tahap yang sangat sederhana dan terbatas kepada hubungan persahabatan pelajar-pelajar di sekolah atau universiti. Bentuk persahabatan juga tidak dijelaskan, sebaliknya digambarkan sebagai rakan persekolahan atau kawan lama. Hampir keseluruhan penulis tidak menggambarkan atau memusatkan bentuk persahabatan yang bagaimana yang mereka inginkan dalam membentuk semangat 1Malaysia, sama ada secara mendalam atau secara jelas.

Persoalan Kepemimpinan dan Kesetiaan Terhadap Negara

Selain daripada perpaduan antara kaum, gagasan 1Malaysia turut mengemukakan tentang corak kepemimpinan dan sikap yang harus ada dalam diri seorang pemimpin dan juga rakyat Malaysia. Gagasan ini difahami oleh penulis apabila beberapa orang mengemukakan tentang perjalanan hidup seorang pemimpin. Cerpen *Khalifah Kah* karya Christella Downna Bait mengisahkan seorang pemimpin yang tidak mahu melepaskan jawatan. Pak Musa tidak mahu mengalah kepada pemimpin muda seperti

Azmil sedangkan sebagai seorang pemimpin veteran yang cintakan rakyat, beliau harus memberi peluang kepada generasi muda untuk menjadi pemimpin. Pak Musa tidak berpuas hati apabila tewas di tangan Azmil dalam pilihan raya. Jiwanya kacau dan tidak dapat menerima hakikat kekalahannya, sedangkan sepanjang kepemimpinannya, tidak ada kemajuan yang diberikan terhadap masyarakatnya. Melalui cerpen ini, selain nilai merendah diri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin, keinginan menuntut ilmu juga turut ditekankan.

“Begini Pak Musa. Kami datang ni hendak berbincang. Macam-macam yang kami dengar tentang Pak Musa. Tapi saya tidak percaya. Maklumlah, kita sudah lama bersama memperjuangkan Parti Dacing. Pak Musa pernah menjadi ketua penerangan. Sekarang, Pak Musa menjadi bendahari saya pula.” Kata Yang Berhormat ...

“Kita hendaklah bersatu, lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang. Azmil bukannya orang lain. Dia ketua Pemuda kita. Kalau kita tidak bersatu, pihak lawan akan untung. Kita akan rugi,” ujar YB Borhan (*Khalifah Kah*, hlm. 30).

Persefahaman akhirnya timbul juga apabila Azmil merendahkan diri memujuk Pak Musa untuk berganding bahu dan menyokongnya. Hubungan tersebut menjadi lebih akrab apabila mengetahui bahawa Azmil adalah kekasih Hanis, iaitu anak Pak Musa.

Semangat perjuangan membela bangsa dan negara juga ditunjukkan dalam cerpen *Inilah Perjuangan Kita* karya Amir Hamzah Aziz. Cerpen ini menggunakan watak-watak tikus seperti tikus tanah, rumah dan tikus mondok (yang mewakili satu bangsa yang mempunyai kerajaan sendiri) yang dikenali sebagai Lembah Lumpur. Mereka digambarkan bekerjasama mempertahankan hak daripada diserang oleh bangsa helang yang mewakili penjajah yang mahu menghancurkan kerajaan Lembah Lumpur. Tikus-tikus yang berlainan bangsa itu dikatakan berganding tenaga berperang dan terkorban di tangan helang penceroboh. Walaupun cerpen ini memaparkan perjuangan dan semangat kerjasama antara tikus-tikus berkenaan, persoalan yang dikemukakan pengarang tidak jelas dan mengesankan sebagaimana yang pernah dilakukan oleh penulis novel *Tikus Rahmat*.

Cerpen *Perjuangan Belum Selesai* mengemukakan tentang kegelisahan dan rasa serba salah Aku atau Zul terhadap tawaran Razlan untuk bekerja bersamanya di Australia. Setiap kali berhubungan melalui

telefon, Razlan memujuk aku untuk berhijrah ke Australia untuk memulakan hidup yang lebih cemerlang. Desakan dan pujukan rakannya akhirnya ditolak oleh Zul kerana beliau lebih mementingkan nasib bangsa dan negaranya berbanding mengejar kemewahan yang bakal diperolehi apabila dia berhijrah ke Australia.

Selain itu, cerpen ini juga menekankan tentang sikap tanggungjawab yang harus ada dalam diri seseorang. Tanggungjawab terhadap bangsa dan negara yang selalunya ditekankan oleh seorang pemimpin atau ketua sering mengabaikan tanggungjawab dan kecintaan mereka terhadap keluarga sendiri.

Mungkin selama ini aku terlalu mementingkan diri sendiri. Terlampau mementingkan perjuangan untuk bangsa, tapi keluarga sendiri terabai. Terbuang, dalam diam aku berjanji dengan diriku sendiri agar kelak aku bukan balik ke kampung kerana masalah tetapi kerana ma dan ayah tercinta, kerana tanggungjawab dan rasa cintaku kepada mereka berdua (Perjuangan Belum Selesai, hlm. 5).

Persoalan ini sangat menarik dan diabaikan oleh penulis sebelum ini. Ia hampir sama dengan semangat yang ditonjolkan pengarang *Manisnya Ukhuwah* yang telah dibincangkan sebelum ini. Kepemimpinan dan sikap pemimpin tidak dihuraikan dengan baik oleh pengarang dan semangat 1Malaysia yang diwar-warkan perlu diterapkan dalam diri pemimpin dan rakyat tidak sampai dalam antologi yang dikaji.

Secara keseluruhannya, tema tentang perpaduan kaum yang digemari penulis-penulis tersebut berkisar kepada persahabatan atau hubungan antara kaum yang diasaskan kepada prinsip keikhlasan, membantu tanpa mengharap balasan dan tidak menyembunyikan sebarang agenda dalam diri setiap kaum. Penulis juga mempunyai misi bahawa setiap kaum yang berjaya tidak harus mementingkan diri tetapi membantu golongan susah, tanpa mengira kaum. Secara dasarnya, kebanyakan penulis memiliki cita-cita dan keinginan untuk melihat perkara yang mereka ciptakan dalam dunia sastera ciptaan mereka direalisasikan dalam dunia sebenar.

TEKNIK DAN BENTUK PENCERITAAN

Watak dan Perwatakan

Sebagaimana pembentukan cerpen, penulis menggunakan watak yang sedikit dan terbatas. Seajar dengan konsep 1Malaysia, pengarang menggunakan watak yang terdiri daripada watak pelbagai bangsa di Malaysia. Pada amnya, watak yang paling popular digunakan oleh penulis berkenaan ialah watak berketurunan Melayu yang selalunya diwakili oleh watak 'aku.' Walaupun penulis merupakan penulis berketurunan etnik lain, mereka lebih senang untuk menggunakan watak Melayu sebagai watak utama. Selain daripada penulis seperti cerpen *Amoi* dan *Dialah Mei Ling Itu*, kebanyakan cerpen menggunakan watak daripada kalangan orang Melayu sebagai watak utama, kecuali cerpen yang ditulis oleh Bigol anak Sulang dan cerpen-cerpen satira yang ditulis oleh Amir Hamzah Aziz dan Norain Lambartus. Kedua-dua pengarang muda ini menggunakan watak-watak tikus dan ikan sebagai pelaku dalam cerpen mereka, sebagaimana novel satira *Tikus Rahmat* sebelum ini. Penggunaan watak binatang dan bukan manusia seperti ini memberi kebebasan kepada penulis untuk melontarkan idea tanpa takut kepada isu-isu sensitif yang melibatkan kaum-kaum lain di Malaysia.

Selari dengan konsep 1Malaysia yang bertujuan mengeratkan perpaduan antara kaum, kebanyakan penulis mengemukakan watak-watak yang terdiri daripada watak pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India. Maka muncullah watak Aku, Ah Mei dan Suraj (*Kuih Bahulu Dari Seberang*), Arumugam (*Pemberian yang Berharga*), Mei Ling dan Gayatri (*Hanis*), Cikgu Mudin, Jessie Chia (*Akhirnya*) Jason. Terdapat pengarang yang mengemukakan watak pelbagai etnik, iaitu daripada etnik Iban, Dusun, Murut selari dengan latar di mana cerita tersebut ditulis sebagaimana dalam cerpen Bigol anak Sulang, iaitu *Pemberian yang Berharga* dan *Kampus Cinta*.

Satu perkara yang dianggap menarik untuk dijelaskan di sini ialah berkenaan penggunaan nama Mei Ling untuk tiga cerpen yang berbeza. Perkara ini seolah-olah menjelaskan bahawa pengetahuan pengarang-pengarang muda berkenaan nama-nama daripada bangsa lain khususnya Cina sangat terhad sehingga tiga pengarang mengemukakan nama yang

sama. Sungguhpun ia dianggap satu kebetulan tetapi ia juga dianggap klise dan tidak sepatutnya berlaku. Di samping itu, kurangnya watak daripada keturunan India turut menjelaskan bahawa interaksi pengarang-pengarang muda dengan masyarakat India sangat sedikit berbanding kaum Cina.

Beberapa cerpen yang ditemui cuba membuat perubahan dengan mengemukakan watak bukan manusia, iaitu watak binatang seperti watak tikus mondok, tikus tanah dan tikus rumah yang disimbolkan sebagai bangsa manusia. Sekali pandang, ia hampir sama dengan penggunaan watak tikus dalam novel *Tikus Rahmat* karya Hassan Ibrahim. Selain itu, terdapat pengarang yang menggunakan watak ikan seperti ikan haruan, ikan keli dan ikan kaloi yang juga mewakili kepelbagaian bangsa. Tidak ketinggalan juga watak hantu seperti toyol, langsuir, penanggalan, drakula dan sebagainya.

Perkara penting yang tidak diambil perhatian oleh kebanyakan penulis cerpen dalam antologi ialah berkenaan watak dan perwatakan watak tidak diberi tumpuan oleh pengarang. Watak yang diperkenalkan pengarang tidak kira sebagai watak utama atau watak sampingan tidak menyerlah dari segi tindak-tanduk, dialog yang digunakan, pelukisan fizikalnya, apatah lagi fikirannya. Watak juga tidak bebas bergerak sebagaimana layaknya sebuah cerita. Kesedihan, kemurungan, kegembiraan dan apa yang bersarang dalam fikiran dan perasaan watak tidak dimanipulasi sebaik mungkin oleh pengarang. Semua perasaan dan fikiran watak hanya digambarkan dan diceritakan oleh pengarang sebagai pencerita. Hasilnya, kebanyakan cerpen yang ditulis dalam antologi ini tidak memberikan kesan yang baik. Konflik antara watak dengan watak lain, watak dengan alam atau watak dengan dirinya langsung tidak menonjol dalam keseluruhan cerpen yang ada dalam antologi ini.

Walau bagaimanapun, terdapat cerpen yang memperlihatkan ciri-ciri pelukisan watak dan perwatakan yang baik seperti cerpen *Khalifah Kah* dan *Manisnya Ukhuwah*. Watak dan perwatakan Pak Musa, fikiran dan perasaannya ditonjolkan pengarang melalui pergerakan fizikal, fikiran dan perasaan Pak Musa yang berkecamuk. Teknik pengarang yang menggunakan dialog juga membantu pergerakan cerita tersebut.

Terdapat juga cerpen yang tidak memiliki watak utama, selain daripada watak pencerita 'aku' dan watak tersebut tidak dibiarkan bergerak sendiri mengikut pergerakan cerita. Pengarang hanya menceritakan apa yang dilakukan oleh watak utamanya tanpa meninjau lebih dalam terhadap masalah dalaman watak.

Plot Cerita

Plot cerita adalah jalan cerita yang dipilih oleh pengarang berdasarkan sebab dan akibat. Plot berperanan mengembangkan cerita dan menawarkan perkembangan cerita dapat diikuti pembaca dengan jelas dan menarik. Melalui kajian terhadap cerpen-cerpen tersebut mendapati bahawa kebanyakan plot yang digunakan oleh penulis-penulis tersebut masih bersifat konvensional dan tidak ada satu penulis pun yang cuba bereksperimen atau menggunakan teknik *in medias res*. Cerita dimulai dengan memperkenalkan watak utama dan memberikan watak tersebut konflik yang perlu diselesaikan. Penamat cerita dalam keseluruhan plot cerpen dalam antologi 1Malaysia adalah 'happy ending.'

Terdapat beberapa pengarang yang mencuba-cuba untuk mengemukakan teknik imbas belakang, iaitu cerpen *Kampus Cinta* dan *Dialah Mei Ling Itu*. Namun demikian, pengarang masih tidak begitu mahir dengan penggunaan teknik imbas belakang (*flash back*). Terdapat pengarang yang gagal menggunakan teknik tersebut dengan baik dan menjadikan plot penceritaan menjadi datar dan kurang menarik. Contohnya dalam cerpen *Dialah Mei Ling Itu*, pengarang menggunakan teknik tersebut untuk menceritakan tentang nasib Mei Ling.

Perkara itu telah lama berlalu, Mei Ling tidak lagi dihantar oleh sepupunya ke tempat kerja. Rupa-rupanya Jamal tidak lagi melepaskan peluang mengganggu ketenteraman Mei Ling. Kebetulan hari itu, Mei Ling tidak pergi ke kerja akibat terkena demam selesma (*sic*). Ibunya pergi ke pasar seperti biasa untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Setelah balik dari klinik yang berdekatan, dia pun pulang ke rumah lalu masuk ke bilik untuk merehatkan badan seketika di atas katil. Jamal sememangnya telah mengekori Mei Ling dari klinik lagi sehingga sampai di rumah... (hlm. 76).

Pada umumnya, pembentukan cerpen yang baik adalah melalui perkembangan atau konflik yang diwujudkan oleh pengarang. Unsur konflik biasanya memberikan kesan tegangan atau saspens terhadap cerita yang

disajikan. Dari segi penceritaan, unsur saspens ialah unsur penting yang menarik minat pembaca untuk terus mengikuti cerita sehingga selesai.

Penelitian terhadap cerpen dalam antologi menunjukkan bahawa kebanyakan penulis gagal menggunakan atau memasukkan konflik atau unsur tegangan dalam karya mereka. Cerpen yang disajikan lebih kepada pemahaman mereka terhadap isu yang ingin ditonjolkan seperti isu perpaduan kaum ataupun persahabatan antara dua watak. Disebabkan ketiadaan konflik atau tiadanya unsur tegangan atau saspens, tidak ada cerita dalam antologi ini yang benar-benar menyerlah, walaupun terdapat idea besar yang ingin disampaikan pengarang.

Terdapat pula cerpen yang ditulis langsung tidak menunjukkan ciri-ciri cerpen yang sepatutnya. Pengarang secara sedar dan sengaja bercerita sejak mula cerpen sehingga ke penamat cerpen, tanpa membiarkan watak-watak dalam karya bergerak dan mengembangkan cerita.

Plot cerita juga memperlihatkan tidak adanya klimaks cerita yang jitu atau padu. Terdapat pengarang yang langsung tidak memiliki klimaks cerita, sehingga menyebabkan cerita mereka mendatar. Contohnya cerpen *Segalanya Sudah Tersurat* karya Siti Julaila Rakimin dan cerpen *Perjalanan* karya Sabih Desemin yang tidak memperlihatkan ciri-ciri sebuah cerpen yang mempunyai plot yang mengesankan.

Secara amnya juga didapati bahawa keseluruhan cerita menamatkan cerita dengan kesudahan yang baik, iaitu segala kekusutan yang ditampilkan pengarang sejak dari awal cerita dapat diselesaikan melalui persefahaman antara watak-watak yang ditunjukkan sebagai berkonflik di awal cerita. Bentuk penulisan seperti ini dianggap tidak memberikan ruang untuk pembaca mengembangkan fikiran mereka. Mereka telah disogokkan dengan jalan cerita yang mudah dan tidak memerlukan pembaca untuk meneka kesudahannya. Tidak terdapat unsur saspens atau tegangan yang ditunjukkan oleh pengarang. Mereka lebih rela menyusun atur masalah yang telah dibentangkan pada awal cerita dengan penyelesaian yang sangat mudah. Segala masalah perlu diselesaikan dengan adanya perpaduan daripada seluruh rakyat Malaysia yang berlainan keturunan. Perkara ini sangat sejajar dengan amalan pematuhan segala prinsip yang dikemukakan oleh Perdana

Menteri dalam gagasan 1Malaysia bahawa perpaduan hanya akan tercapai dengan adanya penerimaan, kenegaraan dan keadilan sosial.

Teknik Penceritaan dan Gaya Bahasa

Teknik penceritaan ialah kebijaksanaan pengarang meletakkan dirinya sebagai pencerita. Penulis bertindak sebagai watak utama yang menjadikan watak 'aku' sebagai watak utama, yang dikenali sebagai sudut pandangan orang pertama ataupun sudut pandangan orang ketiga serba tahu.

Kajian terhadap cerpen yang dihasilkan oleh penulis menunjukkan kedua-dua bentuk penceritaan ini sama rata, iaitu terdapat ramai penulis menggunakan sudut pandangan orang pertama terbatas dan sudut pandangan orang ketiga serba tahu. Walau bagaimanapun, teknik penggunaan sudut pandangan ketiga serba tahu tidak dirungkaikan atau diterokai oleh penulis sebaik mungkin. Terdapat pula pengarang yang keliru antara teknik penceritaan orang pertama dan orang ketiga serba tahu.

Gaya penceritaan cerpen penulis muda yang terkandung dalam antologi memperlihatkan permulaan mereka sebagai penulis baharu yang mencari identiti sendiri. Tidak dinafikan terdapat kecenderungan beberapa penulis muda yang masih terikut-ikut dengan gaya penulis mapan sedia ada. Namun, tidak didapati sebarang bentuk baharu dalam gaya penceritaan karya-karya yang termuat dalam antologi tersebut.

Seiring dengan persoalan cerpen, pemilihan diksi penulis mengarah kepada pemaparan gambaran yang jelas terhadap peristiwa dan persoalan yang ingin disampaikan. Pemilihan perkataan seperti tolong-menolong, bantu-membantu dan bersatu padu menjadi perkataan yang sering kali ada dalam cerpen yang ditampilkan. Walaupun kebanyakan penulis terdiri daripada penulis pelbagai etnik di Sabah, mereka tidak menggunakan dialek suku kaum mereka atau dialek Sabah atau Sarawak. Bentuk penyusunan ayat atau sintaksis yang dilakukan pengarang tidaklah begitu kompleks. Langgam penceritaan yang dipilih oleh penulis-penulis juga pelbagai. Terdapat pengarang yang menggunakan dialog, pemikiran, aksi, deskripsi atau eksposisi. Sangat jarang penulis yang mengeksploitasi dialog dalam cerita dan kebanyakannya lebih menggemari penggunaan deskripsi dan eksposisi. Disebabkan perkara tersebut, terdapat cerpen yang bentuknya seperti laporan.

Latar

Sehubungan dengan matlamat 1Malaysia, latar yang dikemukakan tentu sahaja melibatkan semua kaum yang ada di Malaysia, iaitu Melayu, Cina, India dan beberapa etnik bumiputera di negeri Sabah dan Sarawak seperti Iban, Dusun dan Murut. Latar masyarakat yang digambarkan oleh pengarang selari dan disesuaikan dengan semangat 1Malaysia yang ingin ditonjolkan oleh pengarang. Latar masyarakat yang dikemukakan pengarang meliputi masyarakat kampung dan bandar, bergantung kepada persoalan yang ingin dikemukakan pengarangnya. Cerpen yang menggunakan watak binatang atau bukan manusia menggunakan latar yang diimajinasikan seperti di dasar sungai, lautan, di lembah dan kawasan-kawasan khusus yang dinyatakan seperti Lembah Lumpur dan sebagainya.

Latar tempat yang terdapat dalam antologi tersebut meliputi kampung dan bandar seperti di daerah Lahad Datu, Kota Kinabalu, Kuching dan Kuala Lumpur. Terdapat percubaan pengarang yang keluar daripada negara Malaysia dengan mengemukakan latar di Australia (*Manisnya Ukhuwah*). Kebanyakan cerpen juga mengemukakan tentang latar tempat yang khusus seperti di rumah, di sekolah dan di pejabat. Latar masa yang ditonjolkan secara keseluruhannya menggunakan latar masa kini, sejajar dengan persoalan yang cuba ditonjolkan pengarang. Sementara latar masa secara khusus tidak dititikberatkan oleh pengarang.

KESIMPULAN

Hasil sastera mempunyai peranan yang lebih terarah ke arah mengisi wawasan negara, iaitu membentuk suatu rupa bangsa Malaysia yang bercirikan budaya setempat dengan kekuatan dalamannya. Cerpen yang bertemakan hubungan muhibah antara kaum diharap dapat meresapi fikiran, persepsi, tanggapan pembaca terhadap unsur-unsur perpaduan yang diharapkan dapat menghasilkan suatu rupa masyarakat yang bertoleransi dan saling memahami antara kaum. Meneliti antologi cerpen 1Malaysia, ia memberikan satu kerangka atau jalur pemikiran dan kefahaman pelajar tentang gagasan 1Malaysia. Umumnya, penulis-penulis tersebut faham bahawa gagasan yang diilhamkan Perdana Menteri adalah sebagai satu idea yang membawa kepada persoalan hubungan kaum yang erat dalam kalangan

masyarakat pelbagai kaum dan agama di negara ini. Selain itu, terdapat pengarang yang memahami bahawa gagasan 1Malaysia juga berkaitan dengan sikap diri individu atau rakyat Malaysia terhadap kesetiaan dan kecintaan mereka terhadap bangsa dan negara. Oleh hal yang demikian, segala persoalan yang dipaparkan dalam karya semuanya menjurus kepada isu perpaduan yang hanya akan dapat dicapai dengan adanya kesedaran dan penerimaan prinsip 1Malaysia yang telah digariskan.

Meneliti bentuk penceritaan karya yang dikaji, idea yang sudah sedia ada dalam fikiran penulis-penulis berkenaan lebih menyerlah jika ia disalurkan dalam penceritaan yang lebih kemas dan jitu. Oleh sebab bentuk penceritaan dalam karya yang tidak dilaksanakan dengan baik, konsep 1Malaysia yang difahami seolah-olah dangkal dan tidak mendalam. Kebanyakan tema perpaduan lebih didominasi oleh hubungan persahabatan atau perkahwinan antara kaum. Hubungan yang wujud itu pula menuntut adanya perpaduan dan sikap jujur dan telus serta rela berkorban demi kebahagiaan rakan berlainan bangsa dan agama.

NOTA

¹Walau bagaimanapun, isu tersebut tidak berhenti setakat itu kerana ia telah dipolitikkan oleh golongan tertentu. Natiujahnya novel *Interlok* yang menjadi salah satu teks kajian telah dijadikan isu oleh golongan tertentu untuk menyekat *Interlok* sebagai teks sekolah. *Interlok* dikatakan menghina kaum India di Malaysia, sedangkan menurut perspektif sejarah, perkara yang dinyatakan dalam *Interlok* memang wujud. Akibatnya, novel yang telah menjadi bacaan wajib pelajar telah ditarik balik walaupun sebelum itu isi kandungannya telah dirombak.

RUJUKAN

- Asmiaty Amat. 2002. *Hubungan Kaum Dalam Novel PascaMerdeka: 1967-1969*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- A.M. Thani. 1990. *Integrasi Sosial dalam Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah (pylgr.).1990. *Tema Hubungan Kaum dalam Karya Sastera di Malaysia. Monograf 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Booklet 1Malaysia. Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Jabatan Penerangan Malaysia BK005 (B.M) Jun 2009 (050). Laman Web: HYPERLINK <http://www.penerangan.gov.my>.
- Chew Fong Peng. 2003. *Peranan sastera kebangsaan dan persepsi dalam pembentukan perpaduan nasional: Satu kajian di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Chew Fong Peng. 2007. *Masyarakat Berbilang Kaum dalam Sastera Kebangsaan di Malaysia: Kajian Deskriptif dan Empirikal*. Bandung: Penerbit Universitas Pendidikan Indonesia.
- Hashim Awang. 1980. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisa Tentang Tema dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Abdul Samad & Inon Shahrudin (pnyt.). 2010. *Antologi Cerpen IMalaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Najib Razak. 2011. *Perkhidmatan Awam. Menerajui Perubahan. Melangkaui Jangkaan*. Kuala Lumpur: Razak School of Government dan Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Rahim Abdullah. 1990. *Tema Hubungan Kaum dalam Karya Sastera di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsuddin Jaafar. 1997. *Sastera dalam Masyarakat Majmuk Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thani A. M. 1990. *Integrasi Sosial dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahrah Ibrahim. 1987. *Perkembangan Sastera Kebangsaan. Esei/Kritikan Pemenang Hadiah Sastera 1982-1983*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.